



**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**16 Zulhijjah 1441 / 07 Ogos 2020**

I. Pada hari ini, Jumaat, 16 Zulhijjah 1441H bersamaan 07 Ogos 2020M Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini seramai 142 orang.**

- **Kes 142** ialah seorang lelaki warganegara tempatan berumur 24 tahun yang menuntut di Yemen. Beliau telah pulang ke tanah air pada 5 Ogos 2020 dengan menaiki penerbangan *Royal Brunei B1874* (tempat duduk 44K) dari Kuala Lumpur. Walaupun beliau dilaporkan telah mengalami sesak nafas pada 6 Ogos 2020, beliau pada masa ini berada dalam keadaan yang baik, tidak lagi mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Penyiasatan kontak (*contact tracing*) telah mengenalpasti **13 kontak kes** yang mana kesemuanya sedang menjalani kurantin dan akan menjalani ujian swab COVID-19 sebagaimana yang diatitkan. Memandangkan

kes ini telah dibawa ke pusat pengasingan sebaik saja tiba di negara ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak cemas kerana kes ini tidak mempunyai sebarang interaksi dengan ahli keluarganya atau orang lain sejak tiba di negara ini.

2. Sementara itu, sebagaimana arahan pengasingan diri mandatori selama 14 hari yang dikeluarkan pada 20 Mac 2020 bagi mereka yang baru tiba ke negara ini, seramai **564 orang** sedang menjalani pengasingan diri mandatori di fasiliti-fasiliti pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan. Sejak Mac 2020, seramai **3,938 orang** telah menamatkan tempoh pengasingan diri tersebut.
3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **542 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **43,312 ujian**.
4. Sehubungan dengan pengesahan kes baru pada hari ini, Kementerian Kesihatan ingin menekankan lagi kepentingan bagi orang ramai untuk terus berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengamalkan dan membudayakan langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan. Ini termasuklah sedaya upaya mengamalkan penjarakan fizikal di mana saja awda berada, mengelakkan dari pergi ke tempat-tempat yang penuh sesak, memakai sungkup muka apabila tidak

dapat mengelakkan diri dari pergi ke tempat-tempat yang penuh sesak, di samping mengamalkan kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dan mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul.

5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga ingin mengongsikan mengenai hasil pemantauan bagi penguatkuasaan arahan-arahan yang telah dikeluarkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 yang mana pada minggu ini sahaja sebanyak 8 operasi telah dijalankan di seluruh negara di mana 11 denda kompaun telah dikeluarkan. Kes-kes yang tidak mematuhi arahan-arahan ini melibatkan premis-premis makanan seperti restoran, establishmen kecantikan dan kesihatan serta kedai gunting rambut di mana kesalahan utama yang didapati ialah pekerja-pekerja tidak memakai sungkup muka.
6. Sekali lagi Kementerian Kesihatan memberikan peringatan kepada pemilik-pemilik restoran untuk mematuhi segala peraturan dan arahan khususnya memakai sungkup muka dan bagi establishmen kecantikan dan kesihatan untuk menggunakan sungkup muka dan apron. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara

sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Zulhijjah 1441H / 07 Ogos 2020